

Kata-kata aluan Puan Timbalan Pengarah Kanan

Program: Governance Snippet Niche bersama-sama Kementerian

Tarikh: 20 April 2021 (Selasa)

Masa: 9.00 pagi

Terima kasih moderator

Assalamualaikum W.B.T.

Selamat sejahtera

Bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnianya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini menghadiri program ‘Governance Snippet Niche bersama-sama Kementerian’ yang diadakan secara online/maya oleh INTAN.

Saya rasa masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat menyambut bulan ramadhan kepada tuan/puan yang beragama Islam. Semoga perjumpaan kita pada pagi ini, diberi keberkatan dan memberi manfaat kepada kita semua.

Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin menyampaikan salam daripada Pengarah INTAN, Yang Berbahagia Datuk Dr. Kamarudin bin Min yang tidak dapat bersama-sama dengan kita pada pagi ini atas tuntutan tugas yang lain.

Saya juga mengambil kesempatan ini, mengalu-alukan penyertaan dan mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian tuan/puan turut sama ke sesi Governance Snippet Niche bersama-sama Kementerian ini.

Untuk makluman semua, program ini merupakan program baharu INTAN, bagi memberi *platform* kepada semua kementerian untuk berkongsi idea mengenai inisiatif tadbir urus baik yang sedang atau telah dilaksanakan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi. INTAN berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan dan berharap hubungan baik ini akan diteruskan bagi memastikan prestasi penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada di tahap yang membanggakan.

Selain itu, sesi pada hari ini juga bertujuan sebagai sesi jaringan ilmu mengenai tadbir urus sektor awam dengan menekankan pengaplikasian amalan tadbir urus baik dalam inisiatif yang dilaksanakan di peringkat kementerian. Untuk makluman tuan/puan, INTAN merupakan satu-satunya institusi latihan awam yang menawarkan latihan untuk pembangunan modal insan dalam bidang tadbir urus sektor awam. Di bawah Kluster Pengajian Dasar Awam dan Governans, INTAN menyediakan pelbagai program seperti kursus, seminar, forum, dan perkhidmatan konsultasi berkaitan tadbir urus sektor awam atau *Public Sector Governance*.

Selain INTAN, bersama-sama kita pada sesi ini, adalah wakil dari Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) yang merupakan sebuah agensi yang menasihati kerajaan, menyelaras, menilai tahap keberkesanan dan melaporkan dapatan tindakan dalam aspek governans, integriti dan anti-rasuah kepada rakyat melalui pelbagai medium. Berbeza dengan GIACC, INTAN berperanan untuk mendidik dan memupuk pembudayaan tadbir urus baik sektor awam agar tiada ruang serta peluang untuk sebarang ketirisan dan penyelewengan. INTAN juga berharap agar budaya "*Little Napoleon*" dapat dihindari dalam pelaksanaan tugas yang

boleh menjejaskan proses pembuatan keputusan dan kredibiliti perkhidmatan awam secara keseluruhan.

Tuan/puan,

Saya yakin ramai dalam kalangan kita yang masih keliru antara *Public Sector Governance* dan *Corporate Governance*. Semoga sesi pada hari ini dapat merungkai kekeliruan tersebut, dan seterusnya dapat memberi gambaran mengenai apa itu *Public Sector Governance* dengan lebih jelas, dan amalan baik tadbir urus atau *Good Governance* yang sewajarnya diamalkan dalam reka bentuk pelaksanaan dasar awam.

Takeaways

Tuan/puan,

Key takeaways ataupun manfaat program hari ini adalah pencerahan mengenai ciri-ciri yang terkandung dalam amalan tadbir urus baik, di mana kementerian mungkin telah melaksanakan inisiatif yang mengandungi elemen *good governance* namun mungkin tidak menyedari yang kita telah pun melaksanakan elemen-elemen tadbir urus baik. Program GSN ini diharapkan dapat membantu pihak kementerian untuk sama-sama berkongsi idea dan *best practises* yang tuan/puan laksanakan. Kita juga berharap perkongsian hari ini akan mengurangkan *redundancy*, mengoptimumkan penggunaan *scarce resources* serta perkongsian kepakaran dan sumber sedia ada. Kami di INTAN sentiasa menyokong usaha-usaha yang diambil di peringkat kementerian, jabatan dan agensi bagi meningkatkan keberkesanan, kecekapan, reputasi dan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Way Forward

Tuan/puan,

Seperti mana yang kita sedia maklum, Malaysia berhasrat untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Namun, banyak langkah harus diambil untuk meningkatkan tadbir urus sektor awam.

Selaras dengan hasrat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Khairul Adib, kadar perkhidmatan 'End-to-End' (E2E) akan memberi nilai tambah dan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada pelanggan, seterusnya meningkatkan kecekapan tadbir urus dalaman kementerian, jabatan atau agensi.

Oleh itu, sektor awam wajar diubah menjadi sektor yang boleh dipercayai dan cekap dengan memastikan tadbir urus yang baik. Perubahan struktur birokrasi sahaja tidak mencukupi untuk memperbaiki kelompongan ini. Peningkatan amalan tadbir urus yang baik dapat membantu mencapai aspirasi pihak berkepentingan dan memastikan akauntabiliti di sektor awam yang lebih cemerlang.

Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya berharap agar sesi kita pada hari ini akan dapat memberi manfaat kepada semua dalam memastikan tadbir urus sektor awam berada di tahap yang terbaik. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penganjuran program ini khususnya Kluster Pengajian Dasar Awam dan Governans, INTAN dan terima kasih saya juga kepada semua peserta dan berharap agar tuan/puan dapat memberikan komitmen yang tinggi sepanjang sesi ini.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum W.B.T